

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]**

SOALAN

DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID [KUALA KANGSAR] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan pelan perancangan Kementerian dalam membantu petani-petani muda di Parlimen Kuala Kangsar dan bagaimanakah masalah-masalah seperti tanah pertanian yang terhad serta kemudahan teknologi pertanian yang menelan kos yang sangat besar dapat diatasi memandangkan pertanian merupakan antara sumber ekonomi terpenting untuk golongan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Melihat kepada keperluan tersebut, MOA telah melancarkan Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani: Prioriti dan Strategi 2019 – 2020. Dokumen Hala Tuju ini mengandungi lima (5) Hala Tuju yang dibangunkan bersama 18 strategi dan 51 inisiatif untuk dilaksana dalam tempoh 2019 hingga 2020.
2. Pembangunan agopreneur muda telah diberikan keutamaan di dalam Hala Tuju ke 3 iaitu Menjadikan Pertanian sebagai Satu Sumber Pendapatan yang Mampan dan Kukuh serta Menguntungkan untuk Petani,

Penternak, Nelayan dan Agropreneur Muda. Melalui Strategi 3 Pembangunan Agropreneur Muda dalam Bidang Agromakanan, Kementerian telah menetapkan inisiatif iaitu Meningkatkan Keupayaan Agropreneur Muda.

3. Inisiatif ini direalisasikan melalui Program Agropreneur Muda (PAM) yang dilancarkan bagi tujuan menarik minat agropreneur muda yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun untuk menceburi sektor agromakanan. Program ini adalah terbuka kepada semua golongan muda di seluruh negara termasuk petani – petani di kawasan Parlimen Kuala Kangsar.

4. Bagi menampung kos yang tinggi dan membantu meringankan beban, PAM menawarkan bantuan geran berbentuk barangan dan pembiayaan kepada golongan muda. Bantuan khidmat nasihat teknikal, rundingan serta latihan bagi membangunkan projek-projek pertanian yang akan dilaksanakan turut disediakan sekiranya ada keperluan.

5. Secara keseluruhannya, seramai 5,449 orang agropreneur muda seluruh negara telah menerima kelulusan Program Agropreneur Muda (PAM) dari 1 Januari 2016 hingga 31 Oktober 2019 yang berjumlah RM 95.1 juta seperti berikut:

a) Sektor Tanaman	-	2,195 orang	(RM 35.7juta)
b) Sektor Perikanan	-	435 orang	(RM 9.6 juta)
c) Sektor Ternakan	-	1,095 orang	(RM 23.7 juta)
d) Sektor Industri Asas	-	1,724 orang	(RM 26.1 juta)

Tani

Sekian, terima kasih.